



KLASIFIKASI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN PENERANG

SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG JURUTERA	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
GRED	:	JA5	
KEKOSONGAN	:	1 (SATU)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,650.00	RM6,620.00

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG JURUTERA, JA5

- Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2.	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3.	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
LATIHAN	4.	Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	5.	Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN	6.	(a) Imbuhan Tetap Perumahan (b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (c) Bantuan Sara Hidup
PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN	7.	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Jurutera adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
FUNGSI BIDANG TUGAS	8.	Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan awam, iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebut harga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saliran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.